



PERSATUAN MEMANAH TRADISIONAL MELAKA (MELTRA)
MELAKA TRADITIONAL ARCHERY ASSOCIATION (N-MLK-14575)

No. 81, Jalan TP 8, Taman Terendak Permai,
76300 Sungai Udang, Melaka

016-361 3240

Meltra.-Kejurulatihan-2026(3)

17 Zukaedah, 1447H
05 Mei 2026

Kepada sesiapa yang berkenaan,

YBhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan/Cik

KURSUS KEJURULATIHAN MEMANAH TAHAP 1 SIRI 3/2026

Dengan hormatnya saya ingin merujuk mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman Dato'/Datuk/Tuan/Puan/Cik, pihak Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM) dengan kerjasama Persatuan Memanah Tradisional Melaka (MELTRA) serta ANSAL Archery akan menganjurkan Kursus Kejurulatihan Memanah Tahap 1 pada dan tempat seperti berikut:

- a. **Tarikh** : 02 hingga 05 Julai 2026
- b. **Tempat** : Ansal Archery, Bandar Jasin Bistari, Jasin, Melaka
- c. **Jumlah peserta** : 50 orang
- d. **Tenaga Pengajar** : Pihak NAAM
- e. **Yuran** : RM450 (Penceramah, Nota Kursus, Makan, sewaan tempat)
- f. **Akaun pembayaran yuran** : PERSATUAN MEMANAH TRADISIONAL MELAKA
- g. **BANK** : BANK KERJASAMA RAKYAT
- h. **NO. AKAUN** : 11-0235803-3

3. *Sehubungan dengan itu, pihak persatuan ingin menjemput kepada semua yang berminat dan mematuhi syarat yang telah ditetapkan untuk menyertai kursus tersebut. Pendaftaran boleh di buat di laman sesawang <https://mareos.masarchery.org>. Sila lihat maklumat dan syarat-syarat untuk menyertai kursus ini*

4. Sekian untuk makluman dan tindakan dari pihak Dato'/Datuk/Tuan/Puan/Cik . Sebarang kemusykilan boleh dirujuk kepada saya di talian **016-3613240** (irham) atau **019-740 2540** (Aizat).

Sekian Terima kasih



MOHD IRHAM BIN MOHD IHSAN

Presiden

Persatuan Memanah Tradisional Melaka

Merangkap Penyelaras Kursus

Salinan kepada :

Presiden

Persatuan Memanah Tradisional Malaysia (TAAM)

Setiausaha Kehormat

Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM)

Setiausaha Kehormat

Persatuan Memanah Negeri Melaka

Pengerusi

Persatuan Memanah Jasin

Setiausaha

Persatuan Memanah Tradisional Melaka



PERSATUAN MEMANAH TRADISIONAL MELAKA (MELTRA)
MELAKA TRADITIONAL ARCHERY ASSOCIATION (N-MLK-14575)

No. 81, Jalan TP 8, Taman Terendak Permai,
76300 Sungai Udang, Melaka

016-361 3240

TEMPAT KURSUS : ANSAL ARCHERY, Bandar jasin Bistari, Jasin, Melaka

TARIKH KURSUS : 02 hingga 05 Julai 2026

PENGANJUR : Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Persatuan Memanah Tradisional Melaka (MELTRA), Persatuan Memanah Jasin , Ansal Archery

YURAN KURSUS : RM 450.00

PENDAFTARAN

Pendaftaran dan pembayaran yuran hendaklah dilakukan melalui sistem MAREOS di <https://mareos.masarchery.org> . Peserta yang mendaftar dan telah membuat pembayaran sebelum tarikh tutup sahaja akan diterima. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 Jun 2026.

KELAYAKKAN PESERTA

1. Peserta hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun semasa.
2. Jawatankuasa Kejurulatihan NAAM mempunyai hak untuk memilih calon yang berkelayakan sahaja untuk menyertai kursus ini.
3. Mempunyai pengalaman dalam bidang kejurulatihan sukan memanah selama 3 tahun.
4. Pemohon wajib telah menghadiri Kursus Asas Kejurulatihan Memanah.

TANGGUNGJAWAB PESERTA

1. Segala perbelanjaan, penginapan, pengangkutan, makan minum dan alat tulis semasa kursus adalah tanggungan peserta sendiri KECUALI dimaklumkan oleh pihak penganjur.
2. Sebarang kehilangan harta benda atau kemalangan yang berlaku pada sebelum, semasa dan selepas kursus adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak NAAM atau penganjur TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB di atas kehilangan atau kemalangan yang berlaku.
3. Peserta dinasihatkan dan digalakkan mempunyai insuran peribadi sebagai jaminan jika berlakunya kemalangan sepanjang waktu kursus.
4. Semua peserta kursus haruslah berpakaian SUKAN, kemas dan tidak menjolok mata.

5. Berpakaian seperti berseluar pendek, baju tidak berlengan dan berkasut tumit tinggi (bagi wanita) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
6. Semua peserta **DIWAJIBKAN** berkasut sukan sepanjang kursus berlangsung.
7. Semua peserta **DIWAJIBKAN** untuk membawa peralatan memanah sendiri.
8. Yuran perlu dijelaskan semasa pendaftaran pada hari pertama kursus.
9. **TIDAK** dibenarkan menarik diri selepas pendaftaran **MELAINKAN** penggantian.
10. Sekiranya tidak hadir pada hari pendaftaran **TIADA** pemulangan yuran.

TANGGUNGAN

Tidak ada mana-mana individu atau entiti termasuk penceramah yang hadir yang dibenarkan untuk merakam dan/atau menyiarkan secara elektronik sebarang bahagian acara tanpa persetujuan bertulis daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM). Rakaman yang tidak sah, antaranya termasuk dan tidak terhad kepada audio, video dan gambar semasa mana-mana sesi ceramah, poster, dan/atau bengkel yang dikendalikan oleh NAAM adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kelulusan bertulis NAAM. Peserta dan/atau penceramah yang tidak mematuhi arahan mungkin diminta meninggalkan premis tersebut.

PERHUBUNGAN

Mohd Irham Bin Mohd Ihsan **(0163613240)**

Aizat**(019-740 2540)**



PERSATUAN MEMANAH TRADISIONAL MELAKA (MELTRA)
MELAKA TRADITIONAL ARCHERY ASSOCIATION (N-MLK-14575)

No. 81, Jalan TP 8, Taman Terendak Permai,
76300 Sungai Udang, Melaka

016-361 3240

PENGINAPAN BERDEKATAN

	NAMA PENGINAPAN	NO TELEFON	CATATAN
	Hotel O Jasin Jalan BJB 3/2, BESTARI SEKYAN 3, 77200 Jasin, Melaka	06-534 1455	
	HOTEL BESTARI JC 526 & JC 527 Jalan Jasin Bestari 5, Bandar Jasin Bestari, 77000 Jasin, Melaka	•011-1089 8911	
	Hotel Sakirah JC 1881 Jalan Bestari 5 Bandar Jasin, Bestari Seksyen 2, 77200 Bemban, Melaka	•06-540 4535	
	Roomstay Kak Enin Jalan Sempang Badak 7, Jalan Chin-Chin, KM 32 Sempang Kerayong, 77000 Jasin, Melaka	017-614 5153	

JADUAL KURSUS KEJURULATIHAN MEMANAH TAHAP 1 SIRI 3/2026

ANSAL ARCHERY, BANDAR JASIN BISTARI , JASIN, MELAKA

Tarikh / Hari	8:30 – 10:00	10:00 – 10:30	10:30 – 12:30	12:30 – 14:30	14:30 – 16:00	16:00 – 16:15	16:15 – 17:30
02 JULAI 2026 KHAMIS	Lapor Diri, Pendaftaran , Taklimat Kursus	MINUM PAGI	Pengenalan Kepada Memanah	REHAT	Peraturan & Keselamatan	MINUM PETANG	Format Pertandingan
03 JULAI 2025 JUMAAT	Kompetensi Kejurulatihan		Pengenalan Peralatan		Teknik Memanah		Penalaan Alatan (Equipment Tuning)
04 JULAI 2025 SABTU	Latihan Praktikal		Latihan Praktikal		Perancangan Program Latihan		Perancangan Program Latihan
05 JULAI 2025 AHAD	(8:30 – 9:30)	(9:45 – 11:00)	(11:00 – 11:30)				
	Ujian Teori	Ujian Praktikal	Majlis Penutup				

**Jadual ini tertakluk kepada sebarang perubahan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa.*